

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :** **JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]**

**TARIKH :** **3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status penyerahan loji rawatan kumbahan di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang kepada Indah Water Konsortium dan bila loji-loji rawatan kumbahan di bawah dua majlis ini yang sebelum ini tidak beroperasi atau beroperasi dengan tahap yang tidak memuaskan dapat dinaik taraf supaya tiada lagi loji yang berbau serta tidak berlaku lagi air kumbahan dilepaskan dalam sungai tanpa dirawat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) bertanggungjawab untuk mengendalikan perkhidmatan pembetungan di semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Johor pada bulan Jun 2021 telah bersetuju untuk menyerahkan operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) kepada pihak IWK dengan kerjasama Johor Special Water Sdn Bhd (JSW) sebagai rakan strategik.
2. Susulan itu, pada 11 Oktober 2021, IWK dan JSW telah menandatangani perjanjian kerjasama bagi menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan operasi dan penyelenggaran sistem pembetungan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
3. Perjanjian tersebut turut melibatkan kerjasama dalam menaiktaraf dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pembetungan di kawasan MBJB dan MBPG dengan melaksanakan kerja-kerja membaikpulih loji-loji rawatan kumbahan (LRK) bermasalah. Kerja-kerja membaikpulih ini perlu bagi membolehkan LRK beroperasi dengan baik dan dapat mematuhi tahap pematuhan efluen yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

## **SOALAN NO: 43**

4. Pengambilalihan operasi dan penyelenggaraan LRK ini disasar akan berkuatkuasa pada 1 Disember 2021. Usaha bagi membaikpulih dan menaiktaraf LRK ini akan dilaksanakan bermula pada tahun 2022 secara progresif dengan skop kerja utama menfokuskan kepada aspek keselamatan, penggantian peralatan dan perkakasan serta kerja-kerja pembersihan. Kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf ini dijangka dapat disiapkan pada tahun 2024 melalui peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dengan jumlah sebanyak RM97.11 juta.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan pembetungan dan mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar, langkah seterusnya yang akan dilaksanakan ialah merasionalisasi 50 buah LRK lama dan berskala kecil di kawasan MBJB dan MBPG. Dengan proses rasionalisasi ini, LRK-LRK tersebut akan ditutup dan aliran kumbahan akan disalurkan ke loji rawatan kumbahan serantau yang lebih efisien dan efektif yang akan dibina kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerja-kerja penambahbaikan, penaiktarafan, pembinaan rangkaian paip pembetungan baru dan LRK Serantau yang baru mampu untuk membawa MBJB dan MBPG setara dengan bandar-bandar utama yang lain di Malaysia yang telah pun mempunyai infrastruktur pembetungan yang moden dan terkini.

Sekian, terima kasih.